



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

MENYAPU KHUFF (MUZA): MEMUDAHKAN BERWUDHU' KETIKA DALAM PELAYARAN

(Bilangan Ketiga)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Apakah Perkara-Perkara Yang Membatalkan Menyapu Khuff?

Menyapu air pada *khuff* terbatal dengan salah satu dari perkara-perkara berikut:

- 1) Jika orang yang memakai *khuff* itu telah mengambil *wudhu'* dengan cara menyapu *khuff* sebagai ganti membasuh kaki dan *wudhu'*nya itu masih berkekalan (tidak terbatal), lalu kedua-dua *khuff* atau salah satunya ditanggalkannya atau tertanggal dari kaki, maka sapuan pada *khuff*nya menjadi batal.

Dalam hal ini, yang wajib dilakukannya ialah membasuh kedua-dua kaki sahaja sambil berniat mengangkat hadats, tanpa perlu mengulangi keseluruhan *wudhu'*. Kemudian barulah memakai kedua-dua *khuff* itu semula.

- 2) Sapuan pada *khuff* menjadi batal apabila tempoh yang ditetapkan telah habis.

Dalam hal ini, jika orang itu masih dalam keadaan *berwudhu'*, maka ia hanya perlu menanggalkan kedua *khuff* dan membasuh kedua kakinya sambil berniat mengangkat hadats, kemudian memakai balik kedua *khuffnya* itu.

Manakala bagi orang yang sudah terbatal *wudhu'*nya dan hendak *berwudhu'* semula, maka hendaklah dia *berwudhu'* secara sempurna (seperti biasa), kemudian barulah dia memakai *khuffnya*.

- 3) Sapuan pada *khuff* menjadi batal apabila berlaku perkara yang mewajibkan mandi seperti junub, haid dan nifas ketika dalam tempoh yang dibenarkan menyapu *khuff*.

Di dalam hal ini, hendaklah orang itu menanggalkan kedua *khuffnya* dan melakukan mandi wajib. Selepas itu, jika dia mahu, bolehlah memakai *khuffnya* semula setelah sempurna suci daripada hadats kecil dan hadats besar.

Perkara ini adalah berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Shafwan bin 'Assal al-Muradi *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

()

Maksudnya: “*Rasullullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah menyuruh kami ketika dalam pelayaran untuk menyapu khuff-khuff kami dan kami tidak menanggalkannya selama tiga hari kerana berak, kencing dan tidur kecuali kerana berjunub*”.

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

- 4) Sapuan pada *khuff* menjadi batal apabila *khuff* tersebut carik atau terurai tali pengikatnya atau sebagainya dan menampakkan sebahagian daripada kaki pemakainya.

Dalam hal ini, jika orang itu masih dalam keadaan ber*wudhu'*, maka ia hanya perlu menanggalkan kedua *khuff* dan membasuh kedua kakinya sambil berniat mengangkat hadats, kemudian bolehlah memakai *khuff* yang sah digunakan untuk menyapu air ke atasnya ketika ber*wudhu'*.

Manakala bagi orang yang sudah terbatal *wudhu'*nya dan hendak ber*wudhu'* semula, maka hendaklah dia ber*wudhu'* secara sempurna (seperti biasa), kemudian barulah dia memakai *khuff*.

- 5) Berlaku sesuatu perkara yang membatalkan *wudhu'*. Jika ini berlaku, maka ia membatalkan sapuan pada *khuff*. Ini kerana menyapu *khuff* itu adalah sebahagian daripada *wudhu'* sebagai ganti membasuh kaki.

Oleh itu, wajiblah orang itu mengambil *wudhu'* tanpa menanggalkan *khuff*nya dan menyapu *khuff*nya semula jika tempoh yang dibenarkan untuk menyapu *khuff* masih ada. Jika tempohnya sudah habis pula, hendaklah dia menanggalkan kedua *khuff*nya dan mengambil *wudhu'* seperti biasa.

Contoh Cara Mempraktikkan

Bagi orang yang hendak membuat pelayaran bolehlah berbuat seperti berikut:

- Pertama sekali ketika masih berada di rumah atau semasa berada di lapangan terbang, sebelum memakai *khuff* hendaklah dia mengambil *wudhu'* sebagaimana biasa, iaitu dimulai dengan membasuh muka berserta niat, kemudian membasuh kedua belah tangan, menyapu kepala dan membasuh kedua belah kaki.

- Setelah selesai mengambil *wudhu'* bolehlah dia memakai kedua *khuffnya*.
- Ketika dalam pelayaran, umpamanya di dalam penerbangan, apabila dia hendak mengambil *wudhu'* semula setelah terbatal *wudhu'*nya yang sebelum ini tidaklah perlu dia menanggalkan kedua-dua *khuffnya*. Akan tetapi bolehlah dia mengambil *wudhu'* sebagaimana biasa dalam keadaan memakai *khuff*, iaitu dimulai dengan membasuh muka berserta niat, kemudian membasuh kedua belah tangan dan menyapu kepala.
- Apabila tiba masa untuk membasuh bahagian kaki memadai dengan hanya menyapu kedua *khuffnya* iaitu bahagian atas *khuff* dengan sekali sapu, sebagai ganti membasuh kakinya.
- Dengan demikian sempurnalah *wudhu'*nya.

Jumlah Waktu Sembahyang Yang Dibenarkan

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin* bahawa orang yang mengambil *wudhu'* dengan menyapu *khuffnya* sebagai ganti membasuh kaki jumlah sembahyang fardhu tunai yang dibenarkan baginya dengan *wudhu'*nya itu ialah:

- 1) Bagi orang yang dalam pelayaran dibenarkan sebanyak 16 kali sembahyang. Jika sembahyang itu dilakukan secara jama' pula, dibenarkan sebanyak 17 kali sembahyang.
- 2) Bagi orang yang bukan dalam pelayaran pula dibenarkan sebanyak 6 kali sembahyang sahaja. Jika sembahyang itu dilakukan secara jama' pula (jama' kerana hujan), dibenarkan sebanyak 7 kali sembahyang sahaja.

Adapun sembahyang qadha' tidak ada had padanya, iaitu boleh dikerjakan seberapa banyak dengan *wudhu'* tersebut.

Demikian huraian mengenai menyapu *khuff* sebagai ganti membasuh kaki ketika mengambil *wudhu'*. Apa yang diharapkan daripada huraian tersebut akan dapat memudahkan dan meringankan beban khususnya bagi yang menghadapi masalah untuk mengambil *wudhu'* ketika berada dalam pelayaran dan seterusnya akan memudahkan lagi dalam melakukan ibadat.